



Ruj.Kami : JANM.JHR.600-1/10/4Jld.2 (1)

Tarikh : 31 Disember 2025

10 Rejab 1447H

**Ketua Pusat Tanggungjawab (PTJ),
Jabatan Persekutuan Negeri Johor.**

YBhg. Dato/ Datin/ Dr./ Tuan/ Puan,

**PENYERAHAN SIJIL PERAKUAN PANJAR WANG RUNCIT BAGI PENUTUPAN
AKAUN TAHUN KEWANGAN 2025.**

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas dan Surat Pekeliling Akauntan Negara Malaysia (SPANM) Bilangan 6 Tahun 2025 mengenai tarikh akhir proses dokumen kewangan bagi tahun kewangan 2025.

2. Seperti termaklum tindakan penutupan akhir tahun Panjar Wang Runcit (PWR) adalah tertakluk kepada tarikh yang ditetapkan pada SPANM Bilangan 6 Tahun 2025 tersebut dan lain-lain arahan yang berkuatkuasa. Merujuk kepada ketetapan SPANM Bilangan 2 Tahun 2021, Pemegang Panjar iaitu Ketua Jabatan yang menerima kuasa di bawah Arahan Perbendaharaan 11 untuk mengendalikan Panjar adalah **bertanggungjawab memastikan semua proses Panjar telah lengkap dan sempurna**, dan termasuk menjana/ menyediakan Sijil Perakuan PWR bersama-sama dokumen sokongan yang ditentukan. **Sebarang transaksi panjar bagi tahun kewangan 2026 hanya boleh dibuat setelah Sijil Perakuan PWR pada 31 Disember 2025 dicetak.**

3. Sehubungan itu, semua pemegang PWR dikehendaki mengambil tindakan jana/ sedia dokumen-dokumen berikut;

- 3.1 Laporan Buku Wang Runcit sehingga 31 Disember 2025;
- 3.2 Sijil Perakuan Panjar Wang Runcit Pada 31 Disember 2025 yang disemak dan disahkan oleh Pemegang Panjar;
- 3.3 Lampiran I: Senarai Rekupmen Yang Diminta Tetapi Belum Dijelaskan
- 3.4 Lampiran II: Senarai Baucar Kecil Yang Belum Dibuat Rekupmen

4. Pemegang Panjar hendaklah merujuk kepada **Lampiran B4** pada SPANM Bilangan 2 Tahun 2021 dan dikehendaki mengemukakan dokumen yang dinyatakan di Para 3 di atas **sebanyak dua (2) salinan asal** kepada Jabatan Akauntan Negara Malaysia, Negeri Johor (u/p: Unit Akaun) **selewat-lewatnya pada 7 Januari 2026 (Rabu).**

5. Bagi sebarang pertanyaan lanjut berhubung dengan perkara ini boleh dirujuk kepada Pn. Nurul Nadira Binti Shadan/ Pn. Kalsum Binti Aswadi melalui telefon 07-2249244 (sambungan 1061/ 1058). Bersama-sama ini juga disertakan panduan yang berkaitan untuk rujukan seperti di Lampiran 1. Perhatian dan kerjasama YBhg. Dato'/ Datin/ Dr./ Tuan/ Puan untuk mematuhi panduan serta tarikh yang ditetapkan amatlah dihargai.


Sekian, terima kasih.

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

"Inovasi Memperkasa Perakaunan Mampan"

Saya yang menjalankan amanah,



(RAHMAD JULKIFLI BIN MOHD ALI C.A(M), CPFA(UK), CPA(Aust.))

Pengarah Negeri,

Jabatan Akauntan Negara Malaysia,

Negeri Johor.